

23/07/1999

PM dijangka lakukan upacara pecah tanah

KUALA TERENGGANU, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melakukan upacara pecah tanah projek perumahan awam kos rendah di Kampung Kubang Parit, Wakaf Mempelam, di sini apabila beliau melakukan lawatan rasmi ke negeri ini selama dua hari mulai 29 Ogos ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Penjaja Kecil negeri, Ahmad Said, berkata projek itu yang dibina di tanah seluas 28 hektar oleh Konsortium Perumahan Rakyat Sdn Bhd membabitkan 1,000 unit dengan kos pembinaan RM30 juta.

"Projek perumahan awam kos rendah ini akan siap sepenuhnya pada 2001," katanya selepas mewakili Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, merasmikan mesyuarat agung Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Cawangan Kuala Terengganu di sini, hari ini.

(END)